

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 4(1)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 1 TAHUN 2017**

<b>Tarikh</b>	<b>:</b>	<b>25 Januari 2017 (Rabu)</b>
<b>Masa</b>	<b>:</b>	<b>10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari</b>
<b>Tempat</b>	<b>:</b>	<b>Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2, Ibu pejabat, Majlis Perbandaran Subang Jaya</b>
<b>Kehadiran</b>	<b>:</b>	<b>Seperti di Lampiran A</b>

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain Bin Che Ali, Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

**2.0 PERUTUSAN Pengerusi**

YBhg. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 1/2017 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara seperti berikut:

**2.1 MAJLIS PERASMIAN TAMAN REKREASI PUNCAK JALIL**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Majlis Perasmian Taman Rekreasi Puncak Jalil**. Taman Rekreasi ini telah disempurnakan oleh pemaju Maxisegar Sdn. Bhd. dan mempunyai keluasan 6.33 ekar. Pembinaan Taman Rekreasi ini untuk memberi kemudahan

kepada penduduk setempat bagi melakukan aktiviti-aktiviti riadah dan sukan.

Taman Rekreasi ini mengandungi struktur teduhan, wakaf, 450 meter laluan pejalan kaki dari bawah ke atas bukit, kerusi-kerusi taman dan kemudahan asas seperti tong sampah dan papan tanda. Selain dari itu, pokok-pokok sediaada dikekalkan dengan penambahan sedikit pokok-pokok baru sahaja.

Maklumat majlis perasmian adalah seperti berikut:

**Tarikh** : **25 Januari 2017 (Rabu)**  
**Masa** : **3.00 petang – 4.00 petang**  
**Tempat** : **Taman Rekreasi Puncak Jalil, Jalan PUJ 4, Puncak Jalil, Seri Kembangan.**

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

## **2.2 PROGRAM MAULIDUR RASUL S.A.W 1438 H/2017M UKHUWAH ISLAMIAH ASAS PENYATUAN UMMAH**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan program **Maulidur Rasul S.A.W 1438H/2017M Ukhuwah Islamiah Asas Penyatuan Ummah** seperti maklumat berikut:

**Tarikh** : **26 Januari 2017 (Khamis)**  
**Masa** : **8.30 Pagi – 11.30 Pagi**  
**Tempat** : **Kompleks 3C (Pintu 4), berarak ke Kompleks 3K SS13, Subang Jaya Subang Jaya, Selangor**

Program ini julung kalinya diadakan di Kompleks 3C Pusat Pembangunan Kanak-Kanak melibatkan kerjasama Sekolah Sri Pintar Al-Amin (SRIPAA).

Objektif program ini adalah:

- a) Melahirkan modal insan yang berakhlak cemerlang serta seimbang dari segi rohani dan jasmani.
- b) Menyuburkan sifat kasih dan sayang kepada Rasulullah S.A.W.
- c) Mengeratkan lagi hubungan silaturahim di kalangan warga MPSJ dengan ibubapa dan masyarakat setempat.

Sasaran peserta melibatkan kanak-kanak yang berada di PPK, Kompleks 3C dan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah dari Sekolah Sri Pintar Al-Amin. Tiada yuran penyertaan dikenakan.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

### **2.3 MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA PERINGKAT MPSJ BAGI TAHUN 2017**

Sukacita dimaklumkan bahawa, Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat MPSJ** seperti maklumat berikut:

**Tarikh : 11 Februari 2017 ( Sabtu)**

**Masa : 8.00 malam – 10.30 malam**

**Tempat : Kompleks Membeli Belah Summit USJ**

Antara aktiviti menarik yang akan diadakan adalah seperti berikut:

- Persembahan Tarian Singa
- Persembahan Silap Mata

- Persembahan Gendang
- Demonstrasi Tulisan Kaligrafi Cina
- Persembahan Tarian Tradisional Cina
- Persembahan Nyanyian dari Kombo MPSJ

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

## **2.4 MAJLIS ANUGERAH JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP) DAN ZON BERSIH MPSJ 2016**

Sukacita dimaklumkan bahawa, Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Majlis Anugerah Jawatankuasa Penduduk (JKP) dan Zon Bersih MPSJ 2016**. Objektif program ini diadakan adalah bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada JKP MPSJ di atas usaha serta inisiatif membantu MPSJ memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat.

Maklumat program adalah seperti berikut:

- Tarikh** : **25 Februari 2017 ( Sabtu)**
- Masa** : **8.00 malam – 10.30 malam**
- Tempat** : **Vintage Ballroom, Hotel Holiday Villa**

Anugerah yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

### **a) Anugerah Zon Bersih JKP MPSJ 2016**

- i) Penganjuran Program Kemasyarakatan;
- ii) Pengurusan Inden JKP dan Peruntukan Zon Bersih;
- iii) Pemantauan Kebersihan Persekitaran;
- iv) Pemantauan Kesihatan Awam;
- v) Dokumentasi;
- vi) Anugerah Inovasi;

- vii) Pegawai Kawasan Terbaik; dan
- viii) Zon Bersih JKP MPSJ Terbaik Keseluruhan

**b) Anugerah JKP MPSJ 2016**

- i) Anugerah Program Kemasyarakatan JKP MPSJ Terbaik;
- ii) Anugerah Pengurusan Kewangan JKP MPSJ Terbaik;
- iii) Anugerah Pengurusan Projek Inden JKP MPSJ Terbaik;
- iv) Anugerah Kepimpinan JKP MPSJ Terbaik;
- v) Anugerah Pegawai Kawasan JKP MPSJ Terbaik; dan
- vi) Anugerah JKP MPSJ Terbaik Keseluruhan

**2.5 LAPORAN DEMAM DENGGI**

Pada minggu epid pertama hingga ketiga tahun 2017, MPSJ telah mencatatkan **394** kes demam denggi. Jumlah ini adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan kes minggu epid yang sama pada tahun lepas iaitu sebanyak 737 kes.

Lokaliti hotspot demam denggi pada epid ketiga adalah **5** iaitu seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>ZON</b>	<b>BILANGAN LOKALITI HOTSPOT</b>
1.	Subang Jaya	0
2.	Seri Serdang	5
3.	Seri Kembangan	0
4.	Kinrara	0
<b>JUMLAH</b>		<b>5</b>

Pangsapuri Enggang, Bandar Kinrara adalah satu-satunya lokaliti hotspot denggi yang melebihi 100 hari dengan jumlah 40 kes telah didaftarkan. Tempoh hotspot telah berlarutan sehingga 153 hari.

Aktiviti cari dan musnah telah dijalankan sebanyak 4 kali dan terkini pada 22 Januari yang lalu.

Penduduk diingatkan untuk menjalankan kerja pembersihan kawasan rumah dan kawasan pangsapuri. Bekas-bekas yang boleh menakung air hendaklah sentiasa dicuci dan diberus supaya tidak menjadi tempat pembiakan jentik-jentik.

## **2.6 LAPORAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN ISU SAMPAH HARAM**

Sehingga bulan **Disember 2016** sebanyak **202** Notis Tawaran Kompaun (NTK) telah dikeluarkan dan **12 sitaan** kenderaan telah dilakukan. Sebanyak **61 NTK** dikeluarkan di bawah **Seksyen 4** (Kesalahan membuang apa-apa sampah di tempat awam), **93 NTK** di bawah **Seksyen 6** (Kesalahan tidak menyediakan tong sampah di premis perniagaan) dan **48 NTK** di bawah **Seksyen 12** (Kesalahan membuang buangan perindustrian dan buangan dagangan yang ditetapkan oleh Majlis). Kesemua NTK ini dikeluarkan di bawah **Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah (UUK PPPS) MPSJ 2007**.

Pihak Majlis akan terus meningkatkan aktiviti penguatkuasaan terhadap aktiviti pembuangan sampah di tempat yang tidak dibenarkan.

## **2.7 SISTEM MURNINETS (MALAYSIAN URBAN RURAL NATIONAL INDICATOR NETWORK ON SUSTAINABLE DEVELOPMENT).**

MPSJ telah dianugerahkan sebagai bandar mampan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan

Tempatan bertempat di Dataran Merdeka sempena sambutan Hari Perancang Bandar Sedunia pada 3 Disember 2016 melalui proses penilaian Sistem MURNInets (*Malaysian Urban Rural National Indicator Network on Sustainable Development*). MPSJ telah diiktiraf sebagai bandar mampan selama 5 tahun berturut-turut.

MPSJ adalah di antara 10 penerima anugerah bandar mampan bagi penilaian Tahun 2016. Dalam penilaian bandar mampan tersebut, MPSJ telah menunjukkan tahap pencapaian kemampan sebanyak 95% untuk tahun 2016. Pencapaian ini semakin meningkat setiap tahun seperti berikut:

- a) Tahun 2012 – 84%
- b) Tahun 2013 – 91%
- c) Tahun 2014 – 92.1%
- d) Tahun 2015 – 92%
- e) Tahun 2016 – 95%

Pencapaian kemampan bandar MPSJ adalah atas kerjasama padu semua warga MPSJ yang komited dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada penduduk.

## **2.8 PENGGANTIAN RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA RTMPSJ (PENGUBAHAN 2) 2020 KEPADA RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (RTMPSJ) 2035**

Dalam tempoh 19 tahun (1997-2016), MPSJ telah menyediakan 3 rancangan tempatan iaitu;

- a. Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya 2020 yang telah diwartakan pada 27 Mei 2010;
- b. Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya (Pengubahan 1) 2020 yang telah diwartakan pada 9 Mei 2013;
- c. Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya (Pengubahan 2) 2020 yang telah diwartakan pada 23 Jun 2016.

Ketiga-tiga rancangan tempatan ini telah disediakan dan diwartakan mengikut peruntukkan perundangan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172).

Penyediaan RTMPSJ 2035 ini akan menggantikan RTMPSJ(P2) 2020 yang akan tamat tempoh pada tahun 2020 iaitu 3 tahun dari sekarang. Ia juga adalah untuk menyediakan rancangan tempatan yang selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 dan Dasar Perbandaran Negara yang terbaru serta selaras dengan pembangunan semasa.

Rancangan Tempatan MPSJ sejak tahun 1997, telah digunakan sebagai rujukan dalam hal-hal berkaitan dengan kawalan dan perancangan guna tanah, panduan kepada pembangunan fizikal, penyediaan sasaran kerja tahunan dan penyediaan peruntukan tahunan MPSJ.

Usaha kepada pengantian RTMPSJ(P2) 2020 kepada RTMPSJ 2035 adalah sangat penting untuk mengemaskini data dan maklumat dalam sektor demografi, sektor-sektor guna tanah, kemudahan awam, infrastruktur dan utiliti, alam sekitar dan pengurusan kewangan.

Untuk makluman satu kertas kerja berkenaan pengantian RTMPSJ (Pengubahan 2) 2020 kepada RTMPSJ 2035 akan dibentangkan di dalam mesyuarat ini untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan pihak Majlis bagi memulakan proses tersebut.

## **2.9 AKTIVITI BAZAR RAMADHAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA 2017**

Pada tahun ini umat Islam dijangka akan menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak pada **27 Mei 2017 (Sabtu)** dan berakhir



pada **24 Jun 2017**. Sehubungan dengan itu MPSJ telah mengorak langkah membuat persiapan awal untuk menyediakan tapak-tapak bazar Ramadhan seperti tahun-tahun yang lepas.

Pada tahun ini juga, MPSJ akan terus melaksanakan bazar Ramadhan secara on-line bagi memudahkan peniaga-peniaga yang ingin berurusan tanpa perlu beratur dan bersesak untuk mendapatkan borang.

MPSJ juga mengekalkan lokasi-lokasi bazar seperti tahun-tahun yang lepas bagi memberi kemudahan dan keselesaan kepada pengunjung-pengunjung yang telah sedia maklum lokasi yang disukai.

Berikut adalah bilangan lokasi pada tahun 2017 :

<b>Bil.</b>	<b>Zon / Kawasan</b>	<b>Bazar Ramadhan MPSJ 2017</b>	
		<b>Jumlah Tapak Bazar</b>	<b>Jumlah Petak Berniaga</b>
1	Subang Jaya	8	430
2	Puchong	7	455
3	Kinrara	4	240
4	Serdang / Seri Kembangan	6	520
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>25</b>	<b>1,645</b>

**Program di Bazar Ramadan MPSJ 2017** masih dilaksanakan dengan rangkuman program-program yang dilakukan semasa aktiviti Bazar Ramadan bersama agensi luar, syarikat swasta, pengunjung dan penjaja seperti ketetapan berikut ;

- i. Cabutan Undi Petak.
- ii. Kempen Sayangi Bumi Kita (Bebas Plastik – Bawa bekas sendiri).
- iii. Kempen Inisiatif Hijau – Bebas Polisterine / stereofom.
- iv. Pertandingan Penjaja Contoh Bazar Ramadan 2017.

Permohonan Bazar Ramadan 2017 dibuka secara online adalah bermula **13hb Februari 2017** (Isnin) dan tarikh akhir permohonan adalah pada **28hb Februari 2017 (Isnin)**. Tempoh 2 minggu (14 hari) untuk membuat permohonan.

## **2.10 UCAPAN SEMPENA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA 2017**

Saya mewakili pihak Pengurusan dan Warga Kerja Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan Selamat Menyambut **Tahun Baru Cina** kepada kepada Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ yang meraikannya yang akan disambut pada **28 Januari 2017 (Sabtu)**.

Semoga sambutan perayaan tahun ini akan membawa lebih kebahagiaan dan keharmonian dalam kehidupan kita semua.

**‘GONG XI FA CAI’**

## **3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 12/2016**

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 12 Tahun 2016 yang telah diadakan pada 23 Disember 2017 (Jumaat) disahkan tanpa pindaan.

## **4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT**

Tiada perkara berbangkit.

## 5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

### 5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 1/2017 bertarikh 4 Januari 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 10.3 & m/surat 81	Encik Chang Kim Loong, A.M.N.	Cadangan untuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) MPSJ di luar kawasan MPSJ.	Beliau memohon agar Urusetia Pusat Setempat (OSC) mengkaji semula keputusan mesyuarat untuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) di luar MPSJ.  <b>Tindakan : Urusetia Pusat Setempat (OSC)</b>
2.	Para 9.1 & m/surat 80	Encik Chang Kim Loong, A.M.N.	Peratusan (%) Permohonan Mengikut Jenis Permohonan berdasarkan Kertas Makluman Analisa Keputusan Permohonan Pemajuan Dan Penetapan Kawalan Pemajuan Di Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Urusetia Pusat	Beliau memohon Jawatankuasa OSC untuk menyediakan analisis berkenaan perbezaan ketara antara pencapaian KM dengan CCC pada tahun 2016 iaitu 40% (KM) manakala CCC hanya 6%.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			Setempat (JK OSC) MPSJ Bagi Tahun 2016 Oleh Jabatan Urusetia Pusat Setempat (OSC).	<b>Tindakan : Urusetia Pusat Setempat (OSC)</b>

**5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 2/2017 bertarikh 18 Januari 2017**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat Bil. 1/2017 bertarikh 10 Januari 2017**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.3 & m/surat 5	Encik Chang Kim Loong, A.M.N.	Laporan status terkini cadangan penyewaan motor elektrik oleh Eclimo Sdn. Bhd.	Beliau memohon penjelasan mengenai status terkini cadangan penyewaan motor elektrik oleh Eclimo Sdn. Bhd.  <b><u>Maklum balas</u></b>  Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa perkara ini akan dibentangkan untuk

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				perbincangan dan pertimbangan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan MPSJ.  <b>Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar</b>

#### 5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 1/2017 bertarikh 11 Januari 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 3.1 & m/surat 4	Encik Yap Kok Weng	Cadangan pemulangan kupon parkir tahun 2016 Majlis Perbandaran Subang Jaya.	Beliau memohon penjelasan mengenai cadangan pemulangan kupon parkir tahun 2016 MPSJ.  <b><u>Maklum balas</u></b>  Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa tarikh pemulangan kupon dilanjutkan sehingga 31 Januari 2017.  Pemulangan hanya di MPSJ sahaja dan secara tunai. Sebarang pemulangan selepas

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				tarikh itu tidak dibenarkan.  <b>Tindakan : Jabatan Perbendaharaan</b>

### 5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 1/2017 bertarikh 16 Januari 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 7 (ii) & m/surat 16	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Laporan bulanan Jabatan Penguatkuasa MPSJ ii) Mesyuarat telah memutuskan untuk mengenakan kompaun maksima RM1,000.00 dibawah UUK Taman terhadap kenderaan berat yang meletakkan kenderaan mereka di kawasan perumahan berkuatkuasa	Beliau memohon agar pihak Majlis membuat kajian dan mencari lokasi-lokasi yang bersesuaian bagi mengatasi permasalahan parkir kenderaan berat. Kawasan yang dipilih perlu digazetkan sebagai tempat meletak kenderaan berat.  <b><u>Maklum balas</u></b>  Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa keputusan ini dilaksanakan diseluruh kawasan pentadbiran MPSJ terutamanya melibatkan jalan-jalan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			<p>pada 17 Januari 2017. Rayuan pengurangan kompaun hanya dipertimbangkan untuk kesalahan pertama RM500.00, kesalahan kedua RM800.00 dan kesalahan ketiga kekal RM1,000.00.</p>	<p>utama yang sering berlaku masalah kesesakan lalulintas serta jalan di kawasan perumahan.</p> <p>Y.Bhg. Dato Yang Dipertua turut memaklumkan bahawa pada masa yang sama pihak Majlis akan melakukan kajian dan mencari lokasi yang strategik bagi menangani isu parkir kenderaan berat.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan : Jabatan Penguatkuasa</b></p>

#### 5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat Bil. 1/2017 bertarikh 16 Januari 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

#### 5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 1/2017 bertarikh 17 Januari 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 7.1 & m/surat 13	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	(7.11) Memohon kerja-kerja turapan di Jalan Anggerik 1 yang rosak dan telah lama tidak dibaiki (Zon 13).	<p>Beliau mencadangkan agar pihak Majlis melakukan kajian mengenai jangka hayat ketahanan sesuatu jalan bagi membantu MPSJ merancang tindakan membaiki jalan rosak dan membuat turapan jalan di kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p><b><u>Maklum balas</u></b></p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis bersetuju dengan cadangan tersebut.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</b></p>

### 5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 1/2017 bertarikh 18 Januari 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.5.1 & m/surat 18	Encik Pooi Weng Keong	Sampah pokok di Taman Lestari Putra.	Beliau meminta penjelasan berkenaan siapa yang bertanggungjawab untuk



Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>membuat kutipan sampah pokok dan sampah kebun.</p> <p><b><u>Maklum balas</u></b></p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa kontraktor yang dilantik oleh MPSJ akan membuat kutipan sampah pokok dan sampah kebun.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, tindakan tegas seperti pengeluaran Notis Tawaran Kompaun akan sentiasa dikenakan terhadap sesiapa yang membuang sampah ditempat-tempat yang tidak dibenarkan.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam</b></p>

### 5.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 1/2017 bertarikh 20 Januari 2017

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 9.3 & m/surat 44	Encik Wan Hock Leong	Petak parkir khas di Bangunan Ibupejabat MPSJ untuk Pembantu Ahli Majlis.	<p>Beliau mencadangkan agar pihak Majlis menyediakan dua (2) unit petak parkir khas di Bangunan Ibupejabat MPSJ untuk Pembantu Ahli Majlis.</p> <p><b><u>Maklum balas</u></b></p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis mengambil maklum berkenaan cadangan tersebut.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, disebabkan masalah kekurangan ruang meletak kenderaan di sekitar Bangunan Ibupejabat MPSJ Dato' Pengerusi mencadangkan agar Pembantu Ahli Majlis menggunakan petak parkir yang dikhaskan untuk Ahli Majlis sekiranya tiada penggunaan.</p> <p><b>Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan</b></p>

## **6.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT**

### **6.1 Kertas Kelulusan Cadangan Penggantian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya (Pengubahan 2) 2020 Kepada Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya 2035 (Kertas Mesyuarat Bil. 01/01/2017)**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** kertas kelulusan Cadangan Penggantian Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya (Pengubahan 2) 2020 Kepada Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Subang Jaya 2035.

### **6.2 Kertas Makluman Pemakaian Manual Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Ketiga) 2016 (Kertas Kerja Bil : 02/01/2017)**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Kertas Makluman Pemakaian Manual Garis Panduan Dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor (Edisi Ketiga) 2016.

### **6.3 Kertas Makluman Pemakaian Garis Panduan Perancangan Lorong Belakang 2015 Oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia (Kertas Kerja Bil : 03/01/2017)**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Kertas Makluman Pemakaian Garis Panduan Perancangan Lorong Belakang 2015 Oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia.

## **7.0 PENUTUP**

Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Februari 2017** akan diadakan pada **28 Februari 2017 (Rabu)** jam 10.00 pagi.

Tarikh disediakan : 03 Februari 2017

**" MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI "**

**" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.**  
Timbalan Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S.**  
Yang Dipertua  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN A

### HADIR

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, D.P.M.S, S.M.S.<br>Yang Dipertua MPSJ  | - | Pengerusi               |
| 2.  | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.<br>Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Pooi Weng Keong   | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Tuan Hj. Jaber bin Ami  | - | "                       |
| 5.  | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir   | - | "                       |
| 6.  | Encik Stephen Chin Sou Bong   | - | "                       |
| 7.  | Encik Tai Cheng Heng  | - | "                       |
| 8.  | Encik Chong Hoon Ming   | - | "                       |
| 9.  | Encik Chia Yew Ken  | - | "                       |
| 10. | Encik Yap Kok Weng  | - | "                       |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh  | - | "                       |
| 12. | Ir. Izham bin Hashim  | - | "                       |
| 13. | Encik Wan Hock Leong, P.J.M., P.P.A.  | - | "                       |
| 14. | Puan Norzaihan binti Ismail   | - | "                       |
| 15. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy   | - | "                       |
| 16. | Puan Sharmazira binti Md Sharif   | - | "                       |

- |     |   |   |   |
|-----|---|---|---|
| 17. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli  | - | " |
| 18. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 19. | Puan Kavitha a/p Chandragesen           | - | " |
| 20. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu         | - | " |
| 21. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N.           | - | " |
| 22. | Puan Wong Siew Ki                       | - | " |

#### **TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |  |   |             |
|----|--|---|-------------|
| 1. | Encik Edwin Lim Hock Lee                 | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | "           |
| 3. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi           | - | "           |
| 4. | Dr. Mahendran a/l V Markandoo            | - | "           |

#### **TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Puan Hamizun binti Hj. Mohamad Basar, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
3. TPr. Ismail bin Muhamad, A.I.S., A.L.P.B.M., A.P.P.M.  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
4. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

5. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
6. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
7. Puan Hjh. Anita binti Abd. Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Puan Hjh. Aida binti Omar  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
9. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman, P.J.K.  
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Hjh. Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
12. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, P.J.K.  
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
13. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak & Ukur Bahan
14. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
15. Encik Muhd Hasnizam bin Hasan  
Pengarah, Jabatan COB
16. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi  
Pengarah, Jabatan OSC
17. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan

18. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap
19. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah, Unit Integriti
20. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
21. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
22. Encik Azfarizal bin Abd Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
23. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
24. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
25. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
26. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
27. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
28. Encik Saipudin bin Sulaiman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
29. Cik Helda Syima binti Abu Talab  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
30. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan



31. Puan Jaswani Nazmi binti Jamaluddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan
32. Encik Nurli Izwan bin Haji Osman  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
33. Puan Asmidar binti Shaarin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
34. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
35. Encik Mohd Saidi bin Alang  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
36. Cik Hasniza binti Husin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
37. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
38. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
39. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
40. Puan Zalmah binti Yahya  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
41. Puan Azizah binti Idris  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
42. Puan Noor Baizura binti Bakhtiar  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
43. Puan Nur Maini binti Arifin  
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan

44. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah, Jabatan Audit Dalam
45. Encik Tarmidi bin Kadri  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
46. Cik Nor Zahirawaty binti Sihat  
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
47. Encik Nordin bin Harun  
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
48. Puan Mazlina binti Mautafa  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan  
Pembersihan Awam
49. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim  
Penolong Pengarah, Bahagian Landskap
50. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik
51. Puan Nor Najihah binti Sukor  
Penolong Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
52. Encik Aidil Ifni bin Supar  
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
53. Puan Nabila Amalina binti Mohd Hamid  
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
54. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
55. Puan Siti Mahirah binti Sidik  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
56. Puan Salihah binti Ramli  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang

57. Puan Nurul Saadah binti A.Wahab  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
58. Cik Roshaira binti Rosly  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
59. Puan Nurnawwar binti Arpaaii  
Pegawai Perubatan, Jabatan Kesihatan
60. Cik Zamzamah binti Zainuddin  
Penolong Pengarah, Jabatan OSC

### **URUS SETIA**

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Salmi bin Mat Saad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir (Kanan), Jabatan Khidmat Pengurusan
4. Puan Faizah binti Mazenan  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan